

16 JAN 2002

Ali-Gerai

MELAKA SEDIA PELAN SERAGAMKAN GERAI-GERAI DI NEGERI ITU

MELAKA, 16 Jan (Bernama) -- Kerajaan Negeri telah menyediakan tiga jenis pelan rekabentuk gerai-gerai baru sebagai usaha menyeragamkan bentuk gerai-gerai di seluruh Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata gerai-gerai di ketiga-tiga pelan itu berharga antara RM17,000 dan RM41,000, sejajar dengan usaha kerajaan untuk memastikan kebersihan, keselesaan dan keindahan gerai yang terdapat di negeri itu dan juga sebagai daya tarikan kepada pengunjung.

"Kerajaan Negeri menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membina gerai tetap di semua bandar di negara ini bagi tujuan persekitaran yang bersih dan teratur," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan negeri di Air Keroh, hari ini.

Beliau berkata pembinaan gerai itu akan dilaksanakan dua peringkat iaitu pertama yang melibatkan gerai milik Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah manakala peringkat keduanya melibatkan gerai-gerai persendirian.

Kerajaan Negeri juga telah berjaya menggunakan semua peruntukan yang diberikan oleh kerajaan pusat dalam pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Oktober lepas.

"Semua projek yang diluluskan dalam pakej itu telah siap seratus peratus, setakat ini sebanyak RM38 juta telah dibayar kepada kontraktor terbabit manakala baki RM31 juta lagi yang diterima oleh Kerajaan Negeri akan dilangsaikan minggu hadapan," katanya.

Ketua Menteri berkata Kerajaan Negeri akan membina sebuah pintu gerbang bernilai kira-kira RM1 juta berkonsepkan bumbung kereta lembu di pintu masuk negeri itu di tol Air Keroh tidak lama lagi.

"Pintu gerbang itu akan dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) yang turut menempatkan pusat penerangan pelancong serta sebuah rumah dalam bentuk rumah Melaka di situ untuk menyambut pelancong yang datang ke negeri ini," katanya.

Mohd Ali berkata Zoo Melaka akan dibaiki dan diperindahkan dengan lanskap menarik pada tahun ini bagi menarik lebih ramai lagi pengunjung ke tempat itu.

"Kos membaik-pulih termasuk membina gerai di kawasan dalam zoo, pentas pertunjukan dan menara pemerhatian dianggarkan bernilai RM4 juta dan tendernya dijangka dikeluarkan pada Feb ini dan dijangka siap awal tahun hadapan," katanya.

Beliau berkata dengan pengindahan dan memperbanyakkan lagi kemudahan di zoo berkenaan, diharap ia dapat menarik lebih ramai pengunjung dan memberi keselesaan kepada mereka.

-- BERNAMA

SBS PR